


1 - 15 APRIL, 2021

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# RM14.1 bilion pelaburan sektor perkilangan

# FDI jana 75%

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Pulau Pinang mencatatkan jumlah pelaburan untuk sektor perkilangan yang diluluskan bagi suku keempat tahun 2020 (4Q2020) sebanyak RM3.5 bilion, menjadikan aliran masuk terkumpul berjumlah RM14.1 bilion bagi tahun 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memaklumkan bahawa angka tersebut adalah berdasarkan laporan prestasi pelaburan terkini oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Menurut beliau, nilai pelaburan itu adalah didorong oleh asas kukuh serta ekosistem berkeupayaan yang menyokong keperluan teknologi semasa, produk dan strategi pertumbuhan industri jangka panjang, meskipun berdepan situasi ekonomi global mencabar akibat krisis kesihatan paling dahsyat dalam sejarah, COVID-19.

"Bagi tempoh sama, pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak 75 peratus atau RM10.55 bilion daripada keseluruhan jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor berkaitan pada tahun 2020.

"Jumlah tersebut sekali gus menjadikan Pulau Pinang sebagai penerima FDI sektor perkilangan ketiga tertinggi di Malaysia (selepas Selangor dan Sarawak) dengan menyumbang sebanyak 19 peratus FDI negara.

"Manakala bagi pelaburan langsung domestik (DDI) pula, jumlahnya melonjak sebanyak 92 peratus kepada RM3.56 bilion bagi tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya (2019) yang mana membuktikan bahawa pemain industri tempatan turut memainkan peranan serta mengambil bahagian dalam memperkukuhkan ekonomi negeri," ujarnya pada sidang media di sini 4 Mac lalu.




Mengulas lanjut mengenai jumlah pelaburan untuk sektor perkilangan yang diluluskan bagi 4Q2020, Kon Yeow memaklumkan bahawa sebanyak 58 projek telah diluluskan bagi tempoh tersebut (hampir 85 peratus projek dalam pelaksanaan) dengan jangkaan menghasilkan 13,268 peluang pekerjaan baharu di negeri ini.

Dalam kenyataan sama, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada para pelabur atas kepercayaan terhadap Pulau Pinang.

"(Dan) juga kepada MIDA yang memberikan kerjasama kondusif bersama-sama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) serta *investPenang* (iP) dalam menarik pelaburan strategik ke negeri ini.

"Bagi memastikan Pulau Pinang terus kekal sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan berkualiti tinggi, Kerajaan Negeri akan terus memberikan fokus untuk meningkatkan daya saing dalam sektor perkilangan dan memperkukuhkan kelompok industri berdaya maju terutama dalam menarik bakat-bakat bernilai tinggi ke negeri ini," katanya.

Dalam masa sama, Kon Yeow berharap dengan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan kini, ia akan menjadi faktor utama bukan sahaja untuk Malaysia tetapi juga Pulau Pinang kembali memulihkan semua sektor yang menjana ekonomi negara.

Berdasarkan rekod MIDA, China merupakan sumber pelaburan asing terbesar dalam sektor perkilangan selama lima tahun berturut-turut diikuti negara-negara lain seperti Singapura, Belanda, Amerika Syarikat, Hong Kong, Switzerland, Thailand, Jepun dan Korea Selatan.

Sebagai rekod, pencapaian Pulau Pinang bagi tahun 2020 adalah kedua yang tertinggi dalam sejarah negeri selepas mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM16.9 bilion pada tahun 2019, dan ini mencerminkan keutuhan keyakinan para pelabur terhadap Pulau Pinang sebagai lokasi pelaburan yang mampan serta berdaya maju.

# Tender RTB Sungai Pinang dibuka selewatnya awal 2022



**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kanan), Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer (kiri sekali) dan Ir. A. Rajendran (tiga dari kanan) pada sidang media berhubung status terkini RTB Sungai Pinang di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**DATUK KERAMAT –** Tender untuk projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang bernilai kira-kira RM650 juta dijangka dibuka selewat-lewatnya pada awal tahun 2022.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa reka bentuk konsep untuk projek berkaitan telah diluluskan pada November 2020 dan kini proses mereka bentuk terperinci sedang dijalankan.

Menurut beliau, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melantik kontraktor bagi melakukan 'penyiasatan tanah' *(soil investigation)* yang dijangka siap dalam tempoh masa tiga bulan.

"Selepas laporan berkaitan siap, pihak perunding akan mengambil kira laporan tersebut dan membuat pengubahsuaian kepada reka bentuk jikalau perlu.

"Justeru, tender dijangka dibuka pada suku keempat tahun ini ataupun pada awal tahun depan (2022) selepas Ibu Pejabat JPS melakukan pemeriksaan reka bentuk berkenaan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini 6 Mac lalu.

Hadir sama, wakil JPS negeri, Hasniza Mukhtar dan Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran.

Mengulas lanjut mengenai pelaksanaan projek tersebut yang merupakan RTB terpenting di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat, Jagdeep memaklumkan bahawa projek Fasa 1 tersebut dijangka mengambil tempoh masa empat tahun untuk disiapkan.

"Projek Fasa 1 ini adalah merangkumi kawasan Sungai Pinang dan Sungai Jelutong.

"Ia melibatkan pembinaan tembok banjir, penambahbaikan sungai, peningkatan jambatan, penaiktarafan jalan raya serta pejalan kaki," ulasnya.

Sebagai rekod, Kerajaan Persekutuan pada Disember 2020 telah meluluskan peruntukan RM50 juta untuk projek RTB Sungai Pinang di bawah Rancangan Penggulungan Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk tahun 2021.

Dalam perkembangan berasingan, Rajendran memberitahu bahawa MBPP kini sedang melaksanakan satu lagi projek RTB di Jalan P. Ramlee.

"Projek yang dimulakan pada Ogos 2020 kini telah siap sekitar 55 peratus dan dijadualkan selesai sepenuhnya pada Ogos tahun ini.

"Kos bagi projek ini sekitar RM3.6 juta," maklumnya.






**KEADAAN Sungai Pinang kini.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Pusat Transit Gelandangan berjalan ikut perancangan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



**PHEE Boon Poh.**



**KEMAJUAN pembangunan Pusat Transit Gelandangan di tapak projek kini.**

**PUSAT** Transit Gelandangan dibangunkan sebagai salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam membantu golongan yang menjalani kehidupan bergelandangan di sekitar pusat bandar raya George Town.

Terletak di atas tapak milikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di No.19 Jalan C.Y. Choy, pusat berkeluasan 1,347 meter persegi berkenaan dijangka siap pada Oktober 2021.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh ketika ditemui berkata bahawa mengikut perancangan awal projek yang kini sedang dalam pembinaan sepatutnya siap pada bulan Ogos 2021. Namun, dek kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020, projek tersebut menerima arahan tempoh lanjutan masa.

"Walau bagaimanapun kini, kerja-kerja pembinaan bagi projek ini sedang berjalan dan sudah mencapai 49 peratus serta mengikut jadual yang ditetapkan.

"Apabila siap kelak, Pusat Transit Gelandangan yang menelan kos sebanyak RM4.4 juta dijangka akan beroperasi menjelang Januari 2022 nanti," ujarnya dalam sesi temu ramah di pejabatnya pada 9 Mac lalu.

Menurut Boon Poh, selain dilengkapi dengan taman poket dan kemudahan penginapan transit, pusat berkaitan turut menyediakan ruangan untuk aktiviti warga emas, ruangan kitar semula, dobi, kafe serta pusat komuniti yang bukan sahaja mesra warga emas malah orang kurang upaya (OKU).

"Bukan itu sahaja, pusat ini juga menawarkan perkhidmatan seperti pemeriksaan kesihatan, kaunseling dan padanan kerja.

"Kaedah pengurusan serta penyeliaan pusat pula adalah terserah kepada badan bukan kerajaan, *Tzu Chi* (*Buddhist Tzu Chi Merits Society Malaysia*) seperti yang telah kita (Kerajaan Negeri) lakukan sebelum ini iaitu golongan yang menjalani kehidupan bergelandangan ini diselamatkan dan diletakkan di Kompleks Masyarakat Penyayang," katanya yang merupakan 'tulang belakang' program pemerkasaan golongan bergelandangan negeri Pulau Pinang.

## Pengurusan

Difahamkan, golongan bergelandangan perlu mendaftarkan diri dan diasingkan mengikut jantina serta dikuarantinkan terlebih dahulu sebelum diberi kebenaran menggunakan kemudahan di Pusat Transit Gelandangan berkaitan. Dalam pada itu, apabila disoal mengenai cabaran dan kekangan dalam menguruskan golongan bergelandangan berkaitan, Boon Poh memaklumkan bahawa ia bukan tugasan yang mudah tetapi boleh dilakukan.

"Mana-mana negeri pun menghadapi isu gelandangan, malah di negara maju seperti Jepun pun turut berdepan masalah sama.

"(Dan) sebagai kerajaan yang prihatin, kita membantu golongan bergelandangan ini menyelesaikan masalah mereka. Misalnya bantuan daripada MBPP sebelum ini yang menyediakan rumah penginapan sementara (bersyarat) kepada golongan tersebut serta lain-lain bantuan termasuk intervensi dadah," katanya.

Mengulas lanjut, Boon Poh menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kini dalam usaha untuk mengumpul maklumat serta data golongan berkenaan bagi tujuan pentadbiran dan pengurusan.

"Golongan bergelandangan di negeri ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu *'homeless'* (tiada tempat berteduh); individu yang mempunyai masalah mental dan mereka yang terkandas dari luar negeri yang datang mencari rezeki di negeri ini.

"Bagi warganegara asing pula, mereka akan dirujuk kepada (Jabatan) Imigresen Malaysia atau kedutaan masing-masing, dan ini termasuk pemegang kad UNHCR (Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian) yang berada di sini," ulasnya.

## Perancangan

Sebelum mengakhiri temu bual, Boon Poh turut berkongsi 'bayangan' berhubung salah satu inisiatif Kerajaan Negeri terbaharu dalam membantu golongan terpinggir di negeri ini untuk mendapatkan makanan yang selamat dan berkhasiat.

"Masih di peringkat perbincangan, terlalu baru untuk dibincangkan, lagipun belum dimuktamadkan lagi.

"Apabila dimuktamadkan kelak, inisiatif ini bukan sahaja membantu mereka yang hidup bergelandangan untuk mendapat bekalan makanan tetapi juga mereka yang terpinggir di negeri ini," katanya.



**LOKASI Pusat Transit Gelandangan yang terletak berhampiran bandar raya George Town.**



**ILUSTRASI grafik Pusat Transit Gelandangan apabila siap kelak.**

# Penganugerahan penghormatan buat barisan hadapan dan tokoh masyarakat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PANTAI JEREJAK –** Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Dr. Asmayani Khalib merupakan antara 23 individu yang dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran Dato'.

Gelaran tersebut dianugerahkan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-82 Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang di sini 17 Mac lalu.



DR. Asmayani Khalib.

Dalam reaksi beliau, Asmayani menyifatkan penghargaan tersebut bukan sahaja kepada dirinya, malahan seluruh warga kerja JKNPP khasnya dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amnya.

Lebih dari itu, beliau menyatakan bahawa ia merupakan penghargaan kepada semua petugas fasiliti kesihatan barisan hadapan terutamanya di negeri Pulau Pinang.

"Alhamdulillah, anugerah ini adalah untuk semua petugas yang bersama-sama saya di JKNPP dan KKM.

"Penganugerahan ini umumnya menyuntik semangat kepada kami (JKNPP) untuk memberikan perkhidmatan lebih baik kepada rakyat dan spesifiknya penduduk negeri ini.

"Saya ingin menyeru semua petugas barisan hadapan terutamanya di fasiliti kesihatan agar terus membulatkan tekad meneruskan perjuangan ini, jangan lupa amalan dan pengorbanan kita selama hampir memasuki tempoh dua tahun berperang dengan pandemik COVID-19," ujarnya sambil menyeru semua pihak terutamanya rakyat Pulau Pinang untuk segera tampil ke hadapan mendaftarkan diri bagi melayakkan mendapat imuniti vaksin COVID-19 di negeri ini.



**DR. Abdul Rahman Abbas bersama-sama isteri ketika tiba di Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-82 beliau di sini baru-baru ini.**

Anak kelahiran Pulau Pinang itu memulakan perkhidmatannya di Hospital Pulau Pinang (HPP) pada tahun 1988.

Sebelum ditugaskan sebagai Pengarah JKNPP pada 2019, Asmayani yang memiliki sarjana dalam bidang pengurusan hospital dari United Kingdom mempunyai pengalaman bertugas di beberapa negeri antaranya Perak, Selangor, Pahang dan KKM. Malah, wanita kecil molek tersebut merupakan mantan Pengarah Institut Kanser Negara sebelum ditugaskan di Pulau Pinang.

Dijangka bersara pada November 2023, Asmayani berikrar memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang baki tempoh perkhidmatannya.

"Banyak perkara lagi yang ingin saya lakukan di Pulau Pinang, untuk lakukan semua itu, ia memerlukan kerjasama semua pihak bukan sahaja warga kerja JKNPP, tetapi semua agensi di peringkat negeri dan Persekutuan termasuk sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO)," tambahnya.

Terdahulu pada istiadat berkenaan, ketibaan Abdul Rahman dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff disambut oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow serta isteri; Dato' Law Choo Kiang (Yang dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang) dan isteri; Dato' Abdul Razak Jaafar (Setiausaha Kerajaan Negeri) serta barisan Exco Kerajaan Negeri.

Selain Asmayani, antara petugas barisan hadapan yang turut menerima pengiktirafan adalah Ketua Polis Pulau Pinang, Dato' Sahabudin Abd. Manan iaitu Manan, Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N).

Abdul Manan sebagai mengulas melahirkan rasa syukur atas penganugerahan tersebut.

"Saya rasa berbesar hati menerima pengiktirafan daripada TYT," ringkas beliau.

Dalam pada itu, mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor yang juga seorang peguam serta tokoh politik disegani, mendiang Karpal Singh a/l Ram Singh dan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia yang juga mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tan Sri Zainal Rahim Seman merupakan antara dua individu yang menerima pengiktirafan tertinggi Darjah Utama Pangkuan Negeri (D.U.P.N) yang membawa gelaran Dato' Seri Utama.

## Ulasan para penerima:



**HAJA Najmudeen KPM Abd. Kadir.**

Pengerusi Liga Muslim Pulau Pinang, **DATUK HAJA NAJMUDEEN KPM ABD. KADER** menerima penganugerahan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N) yang membawa gelaran Dato' atas sumbangannya dalam tempoh lebih 18 tahun membabitkan program-program sosial serta kebajikan di negeri ini.

Ketika ditemui, beliau secara peribadinya menyatakan bahawa kerja-kerja sosial dan kebajikan yang dilakukan pihaknya melalui Persatuan Liga Muslim Pulau Pinang sememangnya sudah sebati buat beliau serta ahli-ahli lain.

"Persatuan Liga Muslim Pulau Pinang sebenarnya merupakan 'ibu persatuan' kepada 25 persatuan lain di bawahnya, kita memang telah lama terlibat dalam kerja-kerja sosial, kebajikan dan sebagainya.

"Ruang untuk melakukan amal jariah ini kita fokuskan kepada masyarakat memerlukan bantuan, golongan kurang kemampuan serta fakir miskin, asnaf dan sebagainya.

"Dengan ruang serta peluang yang ada untuk membantu meringankan beban dan kesusahan golongan memerlukan telah memberikan satu kepuasan ketika melakukan kerja-kerja (kebajikan) sebegini.

"Justeru, penganugerahan hari ini akan mendorong saya untuk lebih berusaha semampu yang boleh untuk terus membantu komuniti memerlukan di Pulau Pinang khususnya," ujarnya yang juga Presiden Persatuan Peniaga Muslim Pulau Pinang dan mantan Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang (ZPP) sambil ditemani isteri, Datin Wan Zainab Abu Becker.

**DATUK MAHINDER SINGH DULKU** yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pemuliharaan dan Membaik Pulih Wadda Gurdwara Sahib – Bangunan Warisan Kategori 1 menyifatkan bahawa penganugerahan Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N) yang diterima beliau merupakan simbolik penghargaan kepada kerja-kerja sosial yang dilakukannya.

"Terima kasih kepada TYT, Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri, tahniah kerana menganjurkan majlis istiadat dalam keadaan baik dan memenuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Telah lebih 39 tahun saya bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan sosial dan serentak itu, saya juga berkhidmat sebagai Penguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya sejak tahun 1973.

"Sejak mula berkhidmat, saya telah berjinak-jinak dengan kerja-kerja kemasyarakatan sosial hingga kini yang membolehkan saya memegang beberapa jawatan termasuk pengerusi jawatankuasa membina semula bangunan Sekolah Khalsa Dharmik, dan kini fokus juga adalah untuk mencari dana sebanyak RM5 juta bagi kerja-kerja pemulihan serta membaik pulih Wadda Gurdwara Sahib," ulasnya.

Antara tokoh pendidik yang menerima penganugerahan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Penyelidikan) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), **PROF. DATUK DR. SITI SALBIAH MOHAMED SHARIFF**.



**DR. Siti Salbiah Mohamed Shariff.**

Siti Salbiah ketika ditemui berkata bahawa penghargaan kepada tokoh-tokoh di sektor pendidikan sepertinya merupakan suatu penghargaan kerana pendidikan adalah tunjang kehidupan, malah institusi yang akan membentuk generasi akan datang.

"Di sinilah (institusi pendidikan) kita menjana golongan profesional, pemikir, pentadbir dan membentuk pemimpin masa hadapan.

"Saya bersyukur malahan rasa terharu dengan penghargaan yang diberikan oleh TYT yang juga merupakan Canselor UNITEN, yang mana pada tahun 1996, saya bersama-sama untuk membangunkan UNITEN daripada bertaraf institut sehingga dinaik taraf kepada status universiti serta dikenali kini," ulasnya.

# Bantuan rumah ZPP beri sinar baru

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PINANG TUNGGAL** – Dua keluarga asnaf di sini meluahkan rasa syukur dan terharu apabila menerima rumah baru yang disumbangkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Penerima, **AHMAD SUKRI MOHAMED SALLEH**, 49, berkata bahawa bantuan yang diberikan oleh ZPP telah memberikan sinar baru kepada beliau dan keluarga untuk menjalani kehidupan lebih selesa kini.

Menurutnya, selain masalah atap bocor, struktur rumah pusaka keluarga yang diduduki bersama-sama isteri serta tujuh anaknya selama lebih 15 tahun tidak lagi selamat kerana dimakan anai-anai.

Ahmad Sukri memberitahu bahawa beliau tidak mampu membina rumah atau mencari tempat tinggal lebih selesa untuk keluarganya disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi.

"Saya rasa terharu dan berterima kasih kepada ZPP kerana telah membantu menyediakan sebuah 'mahligai' untuk kami sekeluarga yang jauh lebih selesa berbanding rumah lama.

"Jika dahulu, setiap kali hujan saya tidak dapat tidur lena kerana memikirkan anak-anak disebabkan lantai rumah akan basah kerana atap bocor.

"Kini kami sudah boleh tidur dengan tenang," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Kunci Bantuan Bina Rumah ZPP dekat Permatang Tinggi B di sini pada 6 Mac lalu.

Penyerahan kunci rumah baru tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Mengulas lanjut, Ahmad Sukri menyatakan bahawa rumah kayu yang didudukinya sebelum ini tidak mempunyai bilik menyebabkan mereka sekeluarga terpaksa tidur bergelimpangan.

Namun kini katanya, bantuan rumah baru ZPP membolehkan empat anak perempuan dan tiga anak lelakinya mempunyai bilik berasingan.

"Alhamdulillah, rumah baru ini mempunyai tiga bilik tidur dan dilengkapi dengan kipas serta lampu," ujarnya.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) menyerahkan replika kunci rumah yang telah siap dibaik pulih kepada keluarga Abdul Aziz Abu Hussain (dua dari kiri) pada majlis penyerahan di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, seorang lagi penerima, **ABDUL AZIZ ABU HUSSAIN**, 44, yang turut menerima bantuan menerusi Program Bantuan Baik Pulih Rumah ZPP kini boleh menarik nafas lega apabila rumah yang didudukinya kini dilengkapi dengan kemudahan elektrik serta bekalan air bersih.

Beliau bersama-sama tiga lagi ahli keluarga sebelum ini tinggal di rumah sewa yang sempit dekat Lahar Tambun Tasek Gelugor.

"Kami terpaksa berpindah dari rumah sewa sebelum ini kerana tuan rumah mahu membina rumah baharu jadi, saya terpaksa membina rumah sendiri di sini tetapi tidak ada bekalan elektrik dan air bersih.

"Alhamdulillah, dengan bantuan ZPP, rumah yang kami duduki sekarang ini lebih luas serta selesa," katanya ketika ditemui dekat rumahnya di Tasek Gelugor.

Sementara itu, Ahmad Zakiyuddin berkata bahawa bantuan rumah disediakan ZPP menelan kos RM57,515.86 dengan menggunakan reka bentuk baharu yang lebih moden.

"Pada tahun lepas, sebanyak 25 rumah baru berjaya dibina dan pada tahun ini, ZPP sasarkan 30 buah (rumah) bantuan zakat akan dibina di seluruh negeri," ulasnya yang juga Pengerusi ZPP.

Tambah beliau, selain bina rumah baru, ZPP juga menyediakan peruntukan berjumlah RM5 juta setiap tahun bagi program membaik pulih rumah asnaf yang layak.

"Bantuan ini diberikan bagi membantu golongan asnaf fakir serta miskin menampung kos membaiki rumah yang rosak dan daif sekali gus menjadikan kediaman mereka lebih sempurna dan selesa untuk didiami," jelasnya.

# Wanita dan Kewangan

AKPK

**Wanita** adalah insan yang banyak menyumbang di sebalik kejayaan seorang lelaki. Ini adalah kenyataan yang biasa kita dengar dan tidak perlu disangkal lagi. Wanita juga kini sudah setanding dengan lelaki dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, pendidikan, sukan dan sebagainya. Tanggal 8 Mac setiap tahun merupakan hari yang sangat istimewa buat wanita di seluruh dunia yang mana Hari Wanita Antarabangsa disambut dengan *Choose To Challenge* diangkat sebagai tema untuk tahun ini.

Dalam keadaan ekonomi yang mencabar disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, wanita berperanan besar dalam membantu meringankan beban suami dalam menyediakan segala keperluan keluarga. Mereka menjadi nadi dalam pengurusan ekonomi rumahtangga dan dikatakan lebih bijak dan berhemat dalam menguruskan hal ehwal kewangan. Namun demikian, mereka juga sering dilabel sebagai golongan yang boros berbelanja terutama apabila melibatkan fesyen dan kecantikan. Menyedari kuasa beli wanita yang besar, para pengusaha produk-produk kecantikan contohnya menyasarkan golongan ini untuk melariskan jualan mereka. Di sinilah perlunya golongan wanita bijak dalam mengawal perbelanjaan mereka dan mengelak dari terpengaruh sehingga berbelanja di luar kawalan.

Banyak kajian dibuat menunjukkan emosi memainkan peranan yang penting dalam membuat keputusan untuk berbelanja. Sebagai contoh, mengapa kita membeli barangan berjenama mahal sedangkan kita boleh mendapatkan barangan pengganti yang sama pada harga yang lebih murah? Ini menunjukkan, jenama mempunyai kuasa dalam pasaran kerana ia berjaya mewujudkan hubungan emosi kepada pengguna. Pembelian bukan lagi berdasarkan ciri produk, kualiti mahupun harga. Jenama yang telah memanipulasi emosi dijadikan asas untuk membeli. Antara lelaki dan wanita, emosi lebih sinonim dengan kaum hawa ini. Di sinilah golongan wanita biasanya mudah terpengaruh dan terjebak dengan berbelanja secara berlebihan. Ada di antara mereka merasakan dengan membeli-belah dapat meredakan segala tekanan di dalam diri. Ini sangat merbahaya kerana tanpa disedari mereka menambah tekanan apabila terpalit pula dengan hutang.

Membeli-belah dewasa ini tidak perlu lagi bersusah payah memandu mengharungi kesesakan, mencari parkir, beratur panjang di kaunter dan sebagainya. Dengan perkembangan teknologi digital, platform membeli-belah atas talian menjadi medium yang sangat popular. Tambahan pula dengan larangan merentas daerah dan negeri di sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), pembelian atas talian meningkat dengan mendadak. Dengan beberapa klik barangan yang dihajati akan sampai ke depan pintu dalam beberapa hari. Kad kredit merupakan medium pembayaran yang digemari oleh syarikat yang menawarkan perkhidmatan pembelian atas talian ini.

Wanita perlu mengorak langkah dalam mengukuhkan ekonomi dan kewangan peribadi. Mereka tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada suami dalam menentukan hala tuju kewangan. Berikut adalah beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh kaum wanita dalam memperkasakan ekonomi dan kewangan mereka:-

- Melanjutkan pelajaran – Wanita perlu berazam untuk mendapat pekerjaan yang baik, bergaji lumayan dan peningkatan kerjaya. Semua ini menuntut wanita untuk menimba ilmu dan memiliki kemahiran tertentu.
- Membina tabungan – Buang tabiat berbelanja boros dan mulakan tabungan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada pendapatan bulanan. Pastikan tabungan anda mencukupi untuk menampung tiga ke enam bulan kos sara hidup jika sesuatu yang buruk berlaku sehingga hilang punca pendapatan.
- Lindungi diri dengan insurans dan takaful – Hidup tidak selamanya menjanjikan keindahan dan kesenangan. Insurans dan takaful dapat membantu kita jika berlaku sesuatu musibah seperti sakit dan kematian.
- Mula melabur – Setelah mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi, melindungi diri dan harta dengan insurans dan takaful, duit lebihan perlu dilabur untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, kita perlu berwaspada dengan pelbagai skim-skim cepat kaya yang sentiasa berusaha memperdaya mereka yang lalai dan tamak.
- Jadikan hobi sebagai perniagaan yang menguntungkan – Jika anda mempunyai hobi yang anda benar-benar bagus dalam melakukannya, anda mungkin boleh menggunakan hobi tersebut sebagai punca pendapatan. Sebagai contoh hobi dalam membuat kek dan roti, menjahit, rawatan kecantikan dan sebagainya.
- Bina kemahiran yang boleh dikomersilkan di masa akan datang – Jika anda tidak mempunyai hobi yang boleh menjana pendapatan, berusahalah untuk mendapatkan kemahiran yang perlu dan mungkin boleh memberi pulangan di masa hadapan. Sebagai contoh, belajar ilmu solekan dan rawatan kecantikan. Selepas itu perlahan-lahan anda mungkin boleh memberikan perkhidmatan solekan kepada rakan-rakan terdekat sebelum betul-betul bersedia untuk memiliki perniagaan sendiri.

Sering dikatakan "tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia". Di sebalik kelembutan wanita dianugerahkan dengan kekuatan yang luarbiasa dalam mengharungi kehidupan. Mereka perlu lebih bijak dalam merencanakan kewangan supaya dapat menikmati kehidupan yang selesa dan tenang. Tiada apa yang mustahil. Di Malaysia sendiri, ramai tokoh-tokoh kewangan negara adalah dari golongan wanita. Antara personaliti contoh yang amat membanggakan kaum wa¬nita ialah Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, mantan Gabenor Bank Negara yang sering mendapat pengiktirafan antarabangsa atas sumbangan besar beliau kepada sistem kewangan Islam serta menyumbang kepada sebuah sistem kewangan yang berdaya saing.

Jawatan Gabenor Bank Negara sekarang juga disandang oleh wanita, Datuk Nor Shamsiah Mohd. Yunus yang dilantik ke jawatan tersebut pada tahun 2018. Datuk Mohaiyani Shamsuddin pula dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad (Maybank) pada 1hb April 2017 seterusnya menjadikan beliau sebagai wanita pertama menyandang jawatan Pengerusi di syarikat senaraian awan terbesar di Malaysia sebelum beliau bersara pada 1 November 2020 yang lalu. Ini menunjukkan peranan wanita dalam industri kewangan diiktiraf di negara ini. Ayuh wanita! Perkasakan ekonomi anda dengan menguasai ilmu pengurusan kewangan. Angan-angan hanya menjadi kenyataan jika anda sedia dan berani melakukan perubahan. **#ChooseToChallenge**

# Pengalaman bantu realisasi projek mega demi rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PELANTIKAN** Ir. Dr. G. Balamurugan sebagai Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang yang baru dialu-alukan oleh Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari baru-baru ini.

Menurut Zairil, Balamurugan yang mempunyai pengalaman berkhidmat dalam Kementerian Kerja Raya serta Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang kejuruteraan jambatan adalah sangat diperlukan untuk merealisasikan rancangan pembangunan masa depan negeri iaitu Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Projek negeri yang dimaksudkan, menurut Zairil, termasuk pintasan lebuh raya sepanjang 5.7 kilometer (km) yang menghubungkan Lebuhraya Thean Teik di Bandar Baru Air Itam sehingga ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

"Saya rasa Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang bertuah kerana kini kita mempunyai seorang Pengarah JKR yang mempunyai pengalaman luas, juga kepakaran (dalam bidang kejuruteraan jambatan).

"Paling penting, pengalamannya bukan sahaja di peringkat daerah dan negeri, malah peringkat ibu pejabat (JKR Malaysia)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga dalam sesi temu bual khas baru-baru ini.

Sambil menzahirkan penghargaan kerana berpeluang untuk berkhidmat di Pulau Pinang, Balamurugan memberitahu Zairil bahawa beliau akan berusaha merealisasikan projek-projek infrastruktur awam demi kesejahteraan rakyat Malaysia di negeri ini.

"Peluang yang diberikan ini tidak akan saya sia-siakan, saya akan cuba memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang," katanya dalam nada sederhana.

## Pengalaman dan kelayakan akademik

Balamurugan mula berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam sejak tahun 2000.

Sebelum dilantik sebagai Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang, beliau pernah menjadi jurutera jalan dan jurutera daerah di beberapa kawasan di negeri Perak (Batang Padang, Kinta dan Manjung) dan Selangor (Hulu Selangor).

Lebih daripada itu, Balamurugan juga pernah dua kali dicatur ke JKR Malaysia untuk menyelenggara jalan-jalan Persekutuan.

"Mengikut percaturan, saya telah berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam selama 21 tahun.

"(Kali kedua) saya ditukarkan semula ke JKR Malaysia, untuk mengetuai Zon Tengah Timur, saya bertanggungjawab untuk kerja-kerja selenggaraan jalan untuk empat negeri iaitu Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

"(Semasa itu) portfolio tambahan turut diberikan kepada saya atas kelayakan akademik iaitu dipertanggungjawabkan untuk kerja-kerja menyelenggara serta menyusun program (berkaitan) jambatan-jambatan di seluruh Malaysia," jelasnya.

Balamurugan merupakan anak kelahiran negeri Perak.

Menurut beliau, kira-kira tiga tahun 10 bulan juga masa diambil untuk menyiapkan PhD dalam kejuruteraan jambatan di Universiti Putra Malaya (UPM), sebelum tamat pengajian pada tahun 2019.

"Selepas itu, 10 bulan juga saya berkhidmat di JKR Malaysia, sebelum bertukar ke Pulau Pinang, sebagai Pengarah JKR (Negeri) atas cadangan, kesudian serta restu Kerajaan Negeri untuk memberi peluang kepada saya menerajui JKR Pulau Pinang," ulasnya.

## Visi dan misi

Sebagai Pengarah JKR Negeri baharu, Balamurugan memberitahu bahawa beliau sedaya upaya melakar misi serta visi jabatan supaya selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri hari ini.

"Misi dan matlamat saya di JKR Pulau Pinang adalah sama seperti misi dan visi yang telahpun diterangkan oleh Ketua Menteri (Pulau Pinang) kita, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Exco Infrastruktur dan Pengangkutan (Zairil) pada hari pertama saya melaporkan diri di Pulau Pinang.



**ZAIRIL Khir Johari (kiri) dan Ir. Dr. G. Balamurugan pada sesi wawancara baru-baru ini.**

"Sebagai ketua jabatan teknikal utama di negeri Pulau Pinang ini, saya bertanggungjawab memastikan kerja-kerja pembangunan yang dirancang sama ada oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dilaksanakan secara efektif dan baik, itu adalah matlamat umum.

"Selain mencapai matlamat umum tersebut, secara spesifik, saya kena pastikan juga segala perancangan Kerajaan Negeri adalah dapat dicapai serta dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

"(Pada masa sama), saya bertanggungjawab memastikan segala kerja pembangunan yang dilaksakana oleh JKR memenuhi kehendak rakyat daripada segi kualiti," katanya.

Sebagai jabatan pelaksana di peringkat negeri, Balamurugan berharap jabatan yang diterajuinya bakal mendapat kerjasama daripada jabatan-jabatan teknikal berkaitan di negeri ini dengan menyatakan bahawa beliau sendiri mahu kualiti projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR Pulau Pinang diakui bertaraf antarabangsa.

## Isu jalan berlubang

Semasa ini, Balamurugan memberitahu bahawa beliau telah dilibatkan dalam kerja-kerja teknikal berkaitan projek mega tertentu peringkat negeri, antaranya, projek pintasan lebuh raya di bahagian pulau.

Pun begitu, beliau berkata 'projek-projek kecil' seperti memastikan semua jalan raya di Pulau Pinang selamat digunakan oleh para penguna tidak pernah diabaikan oleh JKR Negeri.

"Sebenarnya, masalah jalan berlubang bukan masalah baharu, di mana-mana jalan raya memang tidak dapat lari daripada risiko kecacatan struktur.

"Ada pelbagai kecacatan berkaitan jalan, namun, sebagai pengguna jalan raya pada mata kasar yang boleh kita lihat adalah jalan berlubang.

"Kenapa wujud jalan berlubang? Ia sangat teknikal, bermula kualiti bahan pembinaan yang digunakan; cara bahan binaan itu digunakan.

"Salah satu punca jalan berlubang berdasarkan selidik JKR sendiri adalah muatan berlebihan yang dibawa oleh kenderaan-kenderaan berat, seperti lori yang tidak mematuhi garis panduan ditetapkan oleh pihak berkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Muatan berlebihan yang dibawa oleh kenderaan berat ini akan memberi tekanan berlebihan pada pigmen (jalan raya) yang diturap, bermula dengan keretakan struktur sehingga membawa wujudnya jalan berlubang," ujarnya.

Berdasarkan kajian dalaman JKR, Balamurugan memberitahu bahawa terdapat beberapa opsyen penyelesaian pada isu jalan raya 'berlubang'.

Antaranya, menurut beliau, JKR semasa ini meningkatkan kekerapan rondaan di jalan raya yang sering kali mengalami kecacatan struktur fizikal.

"Seperti di Pulau Pinang, kita bernasib baik kerana tanggungjawab membuat rondaan ini masih diletakkan di 'bahu' JKR secara langsung, JKR tidak ada pihak konsesi yang melaksanakan rondaan ini, operasi rondaan dilaksanakan sendiri oleh JKR Pulau Pinang secara dalaman.

"(Di Pulau Pinang), setiap daerah dilengkapi dengan kenderaan serta kakitangan untuk melaksanakan kerja-kerja rondaan setiap hari.

"(Mewakili JKR Pulau Pinang,) saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan peruntukan yang banyak untuk pihak JKR membeli peralatan dan kenderaan untuk membuat kerja-kerja rondaan ini," ulasnya lanjut.

## Inovasi bahan turapan jalan

Di samping itu, Balamurugan memberitahu ada opsyen lain lagi untuk meningkatkan tahap kelasakan pada jalan raya daripada kecatatan struktur atau 'berlubang', seperti menggunakan bahan pigmen tambahan lain.

"Berdasarkan kajian yang dibuat oleh JKR Malaysia, ketahanlasakan adalah lebih tinggi sekiranya digunakan elemen nilai tambah atau elemen pengikat *(binder)* yang kuat.

"Sebagaimana semua maklum, turapan jalan sedia ada adalah campuran pasir, batu dan '*binder*' yang melekatkan bahan batu (dan pasir).

"Kalau sebelum ini kita (JKR) hanya menggunakan bitumin sebagai '*binder*', kalau ada elemen tambahan seperti polimer dalam bitumin, '*binder*' itu akan jadi lebih kuat," jelasnya.

Mengulas lanjut, Balamurugan menyatakan bahawa salah satu inovasi yang masih di peringkat kajian JKR Malaysia untuk menambahkan ketahanlasakan pada stuktur jalan raya daripada risiko berlubang adalah penggunaan campuran plastik.

"Apabila digunakan plastik yang boleh dikitar semula, bukan sahaja dapat meningkatkan mutu ketahanlasakan '*binder*' pada struktur fizikal jalan raya sahaja, bahkan, kita (Pulau Pinang) juga boleh mengurangkan kadar pencemaran plastik dan pelupusan plastik, seterusnya selari dengan hala tuju Pulau Pinang untuk menjadi negeri bersih dan hijau," serunya.

Beliau berkata, JKR Pulau Pinang akan berusaha menerapkan elemen inovasi ini dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri terlebih dahulu, sekiranya dibenarkan kelak.

Setakat ini, Balamurugan menyatakan bahawa inovasi campuran bahan turapan jalan raya yang dicadangkan tersebut telahpun dilaksanakan di beberapa jajaran jalan Persekutuan.

"Pulau Pinang pun tidak ketinggalan, baru-baru ini ada tujuh lokasi melibatkan kerja-kerja penurapan jalan dengan nilai kira-kira RM3 juta.

"Daripada tujuh jajaran jalan tersebut (di negeri Pulau Pinang), empat lokasi jalan raya tersebut kita (JKR Negeri) menggunakan empat lokasi dengan menggunakan (inovasi) bahan campuran tambahan tersebut.

"Itu, merupakan antara inovasi yang telah kita cipta dan telahpun dilaksanakan," ujarnya.

**SELAMAT BERTUGAS IR. DR. G. BALAMURUGAN!**

# Tapak pusat ekopelancongan SPU diluluskan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PINANG TUNGGAL -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang aktif mempromosikan hasil pertanian dan produk buatan tempatan melalui penganjuran pelbagai program seumpama pameran serta pesta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa semua program yang dianjurkan adalah bertujuan membantu peniaga kecil dan pekebun-pekebun tempatan untuk menjana pendapatan pada musim penularan pandemik COVID-19.

"Program ini contohnya, adalah sebagai platform bagi menggalakkan peniaga kecil serta petani-petani tempatan yang kebanyakannya datang dari kawasan Kepala Batas dan Tasek Gelugor untuk memperkenalkan produk mereka.

"Selain itu, ia juga merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan produk ekopelancongan di kawasan Seberang Perai Utara (SPU) khasnya yang berkaitan dengan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan serta aktiviti penternakan," katanya pada sidang media selepas menjayakan Pesta Buatan dan Hasil Pertanian Tempatan dekat Pejabat Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri di sini 14 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri, Lay Hock Peng selaku tuan rumah.



**KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Soon Hin (barisan depan, tiga dari kanan) dan Lay Hock Peng (kanan sekali) meneliti kepelbagaian buah-buahan yang dijual bersempena penganjuran Pesta Buatan dan Hasil Pertanian Tempatan di sini baru-baru ini.**

Pada majlis itu juga, Kon Yeow turut menyampaikan sumbangan sayur-sayuran dan pelitup muka kepada pasukan barisan hadapan antaranya, Hospital Kepala Batas, Pejabat Daerah SPU, Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA) Kepala Batas serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM).

Selain itu, sebanyak 400 kupon turut diagihkan kepada keluarga memerlukan di kawasan SPU untuk membeli produk-produk yang dijual oleh peniaga kecil serta petani yang mengambil bahagian dalam program tersebut.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa SPU merupakan kawasan yang kaya dengan destinasi semula jadi dan warisan di samping aktiviti pertanian serta penternakan yang berpotensi digabungkan sebagai satu pakej pelancongan lengkap.

"Semua elemen ini boleh digabungkan menjadi pakej ekopelancongan yang mana pelawat atau pelancong dapat merasai pengalaman selama satu atau dua hari bersama-sama pengusaha kecil, pekebun dan penternak selain melawat beberapa destinasi semula jadi yang menarik.

"Pakej pelancongan ini boleh diperkenalkan sama ada kepada penduduk tempatan atau luar negeri untuk menarik kehadiran pelancong ke SPU sekali gus dapat menjana ekonomi setempat," ulasnya.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan tapak bagi membangunkan pusat ekopelancongan SPU dekat Pinang Tunggal.

"Ia adalah bertujuan untuk mempelbagaikan lagi sumber ekonomi supaya rakyat dapat menjana pendapatan sesuai dengan kegunaan tanah di kawasan ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Soon Hin menyatakan bahawa satu aplikasi mudah alih bagi Seberang Perai Utara sedang dibangunkan untuk memaparkan pelbagai produk tempatan yang boleh diakses melalui telefon bimbit.

"Aplikasi mudah alih ini bukan sahaja memperkenalkan makanan serta tempat menarik di SPU malah turut merangkumi perincian mengenai kedai-kedai menjual produk buatan tempatan dan hasil pertanian," jelasnya.


The Amarene
Urban Oasis • Inspired Living

KONDOMINIUM
HAK MILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera
di Bayan Lepas, Pulau Pinang

**Kondominium**
**1,100 - 1,200 kaki persegi**
Jumlah Unit : **410**
Harga dari **RM505, 400** (Min)
sehingga **RM580, 400** (Max)

**Komersial**
**300 - 1,509 kaki persegi**
Jumlah Unit : **73**
Harga dari **RM150, 000** (Min)
sehingga **RM905, 400** (Max)



**PELAN LOKASI**




The Amarene
Urban Oasis • Inspired Living

Sebarang pertanyaan, hubungi kami di **04-6456 888**

IDEAL
CREATING LEGACY

Pemaju: Ideal Homes Properties Sdn. Bhd. (450900-T); Pejabat Jualan: 71, The One, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang; No. Telefon: 604-6456 888; No. Faks: 604-6457 888; No. Lesen Pemaju: 1784-2/01-2022/0989(L); Tempoh Sah Lesen: 10/1/2021 - 9/1/2022; No. Permit Iklan: 1784-2/01-2022/0989(P); Tempoh Sah Permit: 10/1/2021 - 9/1/2022; Pihak Berkuasa Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang; No. Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang: MBPP/OSC/PM3468/17(LB); No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB10811/19(LB); Pegangan: Kekal; Tarikh Projek Dijangka Siap: September 2021; Jumlah Unit: 410

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
*Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang*
*Tel : 04-6505 242 Fax : 04-2622 904*

## Setahun pandemik COVID-19 (Bahagian 1)

# Pendekatan *'whole-of-society'* intipati penting

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan *frontliners* merakam gambar kenangan sejurus memperoleh suntikan vaksin dos kedua di Hospital Pulau Pinang pada 22 Mac lalu.**

**TARIKH** 18 Mac 2021, genap setahun sejak Malaysia melancarkan 'perang' melawan pandemik COVID-19 yang telah menjerumuskan seluruh dunia ke dalam krisis kesihatan paling dahsyat.

Bermula dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sempadan negara pada 18 Mac 2020, Malaysia kini dilihat masih lagi bertungkus-lumus untuk mencapai keseimbangan di antara keselamatan nyawa dan kelangsungan ekonomi rakyat.

Sebagai negeri pesat membangun dengan kapasiti penduduk yang agak padat, Pulau Pinang turut tidak terkecuali daripada menerima impak ketara akibat penularan pandemik COVID-19.

Walaupun Pulau Pinang pernah diisytiharkan sebagai negeri zon hijau selama 91 hari, namun peningkatan semula jangkitan kes COVID-19 sudah tentu memberikan cabaran baru buat seluruh warga negeri.

Justeru, Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow untuk melihat sejauh mana usaha serta strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memerangi COVID-19 sekali gus mencapai keseimbangan tersebut.

### Pendekatan *'whole-of-government'* dan *'whole-of-society'*

Kon Yeow menyatakan bahawa pandemik COVID-19 sememangnya memberikan cabaran yang luar biasa kepada sistem kesihatan awam memandangkan tidak banyak pihak mempunyai pengalaman menguruskan situasi tersebut.

"Oleh kerana ia melibatkan isu perubatan awam, maka Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjadi tunjang kepada usaha ini dengan penglibatan hampir semua jentera kerajaan.

"Sebab itulah kita dengar adanya pendekatan *'whole-of-government'* dan *'whole-of-society'*, kerana dengan menggunakan jentera kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi sebaliknya ia memerlukan penglibatan serta kerjasama masyarakat umum," katanya.

Tambah beliau, semua jentera kerajaan telah menjalinkan kerjasama dalam usaha menangani pandemik COVID-19 sejak setahun lalu.

"Kita sama-sama belajar kerana ini pengalaman baharu bagi kita semua. Kita buat kesilapan dan kita betulkan kesilapan itu. Kita juga saling memberikan galakan dan teguran selain mencuba beberapa pendekatan baharu.

"Jadi, saya boleh sifatkan pendemik COVID-19 telah menyatupadukan ikhtiar kita semua tidak kira apa jua jabatan, sama ada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga kerajaan secara menyeluruh.

"Isu perbezaan lapisan jentera kerajaan tidak menjadi persoalan kerana pendekatan ini memaksa kita untuk bekerjasama sebagai satu pasukan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa peranan rakyat melalui pendekatan *'whole-of-society'* juga amat penting khususnya dalam aspek pematuhan prosedur operasi standard (SOP), melaksanakan arahan PKP serta menyesuaikan diri dengan kawalan yang ditetapkan.

"Di samping itu, banyak juga syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil untuk memberikan sumbangan seperti peralatan pelindung diri (PPE), pelitup muka, pensanitasi tangan dan sebagainya.

"Malah, Kerajaan Negeri sendiri telah memperuntukkan RM175.5 juta menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang untuk membantu semua golongan terkesan di negeri ini.

"Dan saya percaya daripada segi ini, Kerajaan Negeri telah tunjukkan semangat kebersamaan dengan rakyat," ujarnya.

### Keseimbangan antara menyelamatkan nyawa dan ekonomi rakyat

Kon Yeow menjelaskan bahawa untuk menguruskan sumber manusia dan aset-aset kerajaan serta swasta dalam menangani pandemik COVID-19 di negeri ini bukanlah suatu perkara yang mudah.

"Pada hakikatnya, ia adalah satu usaha tentang bagaimana kita dapat menyeimbangkan antara kehidupan atau keselamatan nyawa dan kelangsungan ekonomi rakyat.

Keseimbangan ini susah untuk dicapai kerana sepanjang setahun ini kita dapati bahawa apabila kita melonggarkan sekatan, jangkitan COVID-19 akan menular ke dalam komuniti dan di tempat kerja.

"Oleh itu, ini cabaran yang amat besar kerana selagi mana kita tidak mencapai kesihatan awam, maka selagi itulah tidak akan ada kesihatan ekonomi," ulasnya.

Sebagai contoh, beliau berkongsi bahawa keputusan Kerajaan Persekutuan melonggarkan sekatan pada tahun lepas telah menyebabkan peningkatan semula kes jangkitan COVID-19 sehingga melumpuhkan sistem kesihatan negara.

"Tetapi, setelah langkah-langkah lebih ketat diambil kira-kira dua bulan lalu, kita dapat lihat hasilnya yang mana kes telah menurun setiap hari. Ini menunjukkan bahawa ada hubung kait antara keselamatan nyawa serta kelangsungan ekonomi rakyat.

"Apabila tindakan perubatan dikawal ketat, maka ia akan menjejaskan ekonomi rakyat dan negara. Adakalanya rakyat tidak faham mengapa tindakan lebih ketat perlu diambil.

"Selepas setahun, baru kita nampak hubung kait di antara kedua-duanya dan usaha untuk mencapai satu keseimbangan ini adalah cabaran yang amat besar," tegasnya.

Walau bagaimanapun kata Kon Yeow, langkah kerajaan menaikkan kompaun RM10,000 di bawah Ordinan Darurat (Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 telah menimbulkan bantahan dalam kalangan rakyat.

"Banyak perbincangan mengenai perkara ini dibangkitkan semasa Persidangan Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) COVID-19. Persetujuan yang dicapai adalah bahawa ia perlu dikaji semula," jelasnya.

Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Persekutuan sepatutnya meningkatkan lagi kempen kesedaran masyarakat sebelum melaksanakan polisi tersebut.

"Walaupun tujuan mengenakan denda adalah untuk memastikan rakyat mematuhi SOP dengan ketat tetapi jumlah RM10,000 adalah terlalu tinggi dan rakyat tidak mampu untuk membayarnya," ulasnya.

### Penemuan vaksin beri harapan baru

Serentak itu, Kon Yeow menegaskan bahawa ekonomi dunia akan lumpuh sekiranya krisis kesihatan awam yang dihadapi oleh kebanyakan negara termasuk Malaysia dibiarkan berpanjangan.

Justeru kongsi beliau, penemuan vaksin COVID-19 dalam tempoh lebih singkat berbanding jangkaan awal telah memberikan harapan serta sinar baru kepada masyarakat di seluruh dunia.

"Setiap maraton ada penghujungnya. Bagi 'maraton pandemik COVID-19' saya tidak tahu bilakah penamatnya tetapi penemuan vaksin telah memberi harapan dan cahaya kepada dunia.

"Pada mulanya, kita dengar bahawa usaha mencari vaksin akan mengambil masa tiga hingga lima tahun. Ini adalah tempoh masa yang amat panjang dan sudah semestinya akan melumpuhkan ekonomi dunia.

"Ini kerana tidak ada syarikat yang boleh bertahan begitu lama. Tidak ada sebuah keluarga atau individu yang hilang atau terkesan daripada segi pendapatan mampu bertahan untuk tempoh ini.

"Jadi, kita amat bersyukur dengan pelbagai usaha yang telah dijalankan di seluruh dunia, vaksin COVID-19 akhirnya berjaya dicari dan sudahpun mula dibekalkan," katanya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menekankan bahawa penemuan vaksin turut membolehkan negara memulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada 24 Februari lalu dan dijangka mengambil masa hampir setahun untuk disempurnakan.

"Sekiranya seluruh masyarakat menjalani program imunisasi ini, maka kita dapat mencapai imuniti kelompok yang akan melindungi kita semua daripada ancaman COVID-19.

"Oleh itu, kita berharap agar program imunisasi ini akan berjaya dalam tempoh paling singkat supaya keadaan dapat dipulihkan kembali sepenuhnya," kongsi beliau.

# Bahan bacaan Braille tanam minat membaca OKU penglihatan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PERBADANAN** Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) sentiasa komited membantu golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan di negeri ini untuk mendapatkan akses kepada pelbagai jenis bahan bacaan.

Pengarah PPAPP, Sharimah Salleh menjelaskan bahawa sejak tahun 2002, PPAPP telah berjaya menterjemah 3,420 naskhah buku kepada bahan bacaan dalam tulisan Braille demi memenuhi keperluan golongan berkaitan.

Beliau memberitahu bahawa bahan bacaan tulisan Braille yang dihasilkan di PPAPP adalah terdiri daripada pelbagai genre seperti buku cerita kanak-kanak, novel, buku ulang kaji, soalan peperiksaan serta banyak lagi.

"Objektif utama kami adalah untuk meningkatkan kadar literasi dalam kalangan mereka yang mempunyai masalah penglihatan.

"Kami percaya bahawa dengan memiliki lebih banyak bahan bacaan dalam tulisan Braille, ia akan dapat membantu menghapuskan stigma bahawa golongan OKU penglihatan tidak mampu melakukan apa-apa.

"Kita perlu tahu bahawa dengan membaca, ia dapat memperbanyakkan perbendaharaan kata, merangsang kemahiran berfikir serta meningkatkan tumpuan serta kemahiran komunikasi seseorang.

"Oleh itu, kita harus mendorong mereka untuk membaca sebanyak mungkin buku dengan menghasilkan lebih banyak buku tulisan Braille. Jadi, itulah sebabnya kami memulakan inisiatif ini pada tahun 2002," kata Sharimah kepada Buletin Mutiara dalam satu temu bual pada 10 Mac 2021.



**SHARIMAH Salleh.**

### Projek buku *Coberate*

Sharimah memberitahu bahawa projek penterjemahan bahan bacaan *Braille* dilaksanakan di bawah projek buku *Coberate* yang menggabungkan tiga elemen iaitu buku biasa, tulisan Braille dan juga kolaj.

Menurut beliau, penghasilan buku-buku berkenaan adalah bagi membantu ibu bapa atau anak-anak yang celik dapat membaca bersama-sama dengan mereka yang cacat penglihatan.

"Kalau buku yang 100 peratus mengandungi tulisan Braille, maka orang yang celik dan tidak menguasai tulisan ini tidak mampu untuk membacanya.

"Sebab itulah kita gunakan buku-buku biasa serta ditambah dengan tulisan Braille yang dicetak di atas bahan plastik lut sinar supaya tidak menjejaskan kandungan buku berkenaan.

"Apabila kita hasilkan buku ini dengan menggabungkan elemen-elemen tersebut, aktiviti membaca menjadi lebih seronok kerana semua ahli keluarga sama ada yang celik atau cacat penglihatan boleh membaca bersama-sama.




**ANTARA buku cerita kanak-kanak yang dihasilkan di bawah projek *Coberate*.**

"Buku-buku ini pula kita hasilkan dalam empat bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil," ulasnya.

Sharimah menyatakan bahawa kesan kolaj yang dihasilkan pada buku cerita kanak-kanak adalah untuk membolehkan golongan OKU penglihatan dapat menggambarkan rupa bentuk sesuatu objek yang dimuatkan di dalam buku yang dibaca mereka.

"Teknik yang kita gunakan adalah dengan menjadikan buku-buku ini sebagai kraf mengikut bentuk objek sama ada binatang atau benda-benda lain yang ada dalam buku.

"Contohnya, gambar buaya kita akan gunakan bulu kambing untuk hasilkan kolaj bagi membentuk tekstur supaya orang OKU penglihatan dapat menggambarkan bentuknya dengan lebih jelas melalui sentuhan," jelasnya.

### Ke peringkat antarabangsa

Mengulas lanjut, Sharimah menjelaskan bahawa projek *Coberate* yang dijalankan oleh PPAPP telah dibawa ke peringkat antarabangsa.

"Kita pernah membawa projek ini ke pertandingan *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA) di Athens dan berjaya mendapat sambutan menggalakkan di sana.

"Selain itu, *Coberate* juga telah menjadi penanda aras bagi beberapa negara, dan baru-baru ini kita juga dipertanggungjawab untuk menjadi tenaga pengajar kepada beberapa peserta untuk menghasilkan projek ini dekat Perpustakaan Negara.

"Ini kerana, hanya PPAPP sahaja yang menghasilkan sendiri buku-buku *Coberate* ini," katanya lanjut.

Selain buku-buku tulisan Braille, Sharimah menjelaskan bahawa PPAPP turut menyediakan perkhidmatan mesin sistem kamera litar tertutup (CCTV) bagi membantu OKU penglihatan yang tidak buta sepenuhnya.

"Fungsi mesin ini adalah apabila kita letakkan buku di atasnya, ia boleh besarkan saiz tulisan, jadi yang mempunyai masalah penglihatan tidak terlalu kabur boleh membaca tulisan-tulisan tersebut.

"Kita juga ada menyediakan mesin pengimbas untuk mengimbas tulisan pada buku dan seterusnya akan dipindahkan ke skrin komputer yang disediakan menggunakan aplikasi *Jaws*.

"Melalui aplikasi ini, orang OKU penglihatan boleh membaca dengan cara mendengar percakapan komputer dan ini sangat memudahkan mereka," ulasnya lanjut.

### Cabaran

Dalam pada itu, pembantu pustakawan, Mohd. Hazani Abdullah, 37, adalah individu yang bertanggungjawab menghasilkan penterjemahan bahan bacaan tulisan Braille di PPAPP.

Beliau berkata, cabaran utama dalam penghasilan bahan bacaan Braille adalah prosesnya yang rumit dan memakan masa panjang bagi sesebuah buku.

"Pada permulaan proses, saya perlu imbas dahulu buku kemudian melakukan semakan perkataan supaya tidak berlaku kesilapan dan seterusnya menukarkan ia ke dalam perisian Braille.

"Buku cerita kanak-kanak hanya memerlukan masa satu hari tetapi bagi buku yang lebih tebal seperti novel akan mengambil masa beberapa hari," jelasnya.

Mohd. Hazani memberitahu bahawa selain menghasilkan bahan bacaan, PPAPP turut menyediakan kelas untuk mengajar golongan OKU penglihatan mempelajari tulisan Braille.

"Biasanya kita hanya akan ajar asas Braille kerana kebanyakan yang datang ke sini adalah kanak-kanak," jelasnya.



**MOHD. Hazani Abdullah ketika sedang menghasilkan bahan bacaan Braille.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA** | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

**TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!**



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Harryzan Yaakub | 019 - 456 8484 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Bee Hong | 019 - 458 8321 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Nirmala | Seberang Perai Utara<br>Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 4. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |
| 5. | R. Thivyashri Naidu | Pentadbir Bahagian Kewarganegaraan | | No. Pejabat<br>04 - 650 5556 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 013 - 431 9384 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Kim Noor | 04 - 229 8382 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12407
Peminjam : ELLI AIMAN BINTI MOHD NASIR - 93101207****
1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN ISHAK - 60061202****
1672 LORONG MASJID , PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD NAZRI BIN DAUD - 78020407****
10389 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12412
Peminjam : FOONG JIA NING - 90011107****
NO.48 MEDAN KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : FOONG KIN WAH - 62111808****
48 MEDAN KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH13600 PERAI

No Akaun : 12424
Peminjam : NOORSYATIRAH BT OTHAMAN - 95071607****
1641 KAMPUNG TOK BEDU 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : NOORMALA BINTI ZAINAL ABIDIN - 62081508****
1641 KAMPUNG TOK BEDU 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 12431
Peminjam : MOHAMAD IZZAT BIN MOHAMAD - 96101807****
BLOK 583B-4-10 PERUMAHAN PEGAWAI KANAN POLIS 11700 JALAN SUNGAI DUA, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD BIN K.A. RAZAK - 61042007****
583B-4-10 PERUMAHAN PEGAWAI KANAN POLIS 11700 SUNGAI DUA, PULAU PINANG

No Akaun : 12457
Peminjam : KEOH KHENG SOON - 95072407****
20-5-6 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NG SINGEE - 90100607****
NO.43 LORONG KURAU 27, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI

No Akaun : 12459
Peminjam : KIRUTIGGA A/P MUTHU - 94030907****
NO.26 LORONG 16, TAMAN MERAK 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : MALIGA A/P NARAYANASAMY - 66081007****
NO.26 LORONG 16, TAMAN MERAK 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12464
Peminjam : TEVAKI A/P MATHAVAN - 90070407****
NO.8 LORONG SERI KIJANG 15, TAMAN SERI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : RHENUGA A/P PARTHEBAN - 90073007****
NO.15 LINTANG MUHIBAH, B GARDEN 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12471
Peminjam : JASLINE A/P VEAGULAM - 91011907****
1-18-18 JALAN VERTENARY, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ELINA A/P VEAGULAM - 88110407****
1-18-18 JALAN VERTENARY 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 12505
Peminjam : ABDUL AZIM BIN ABD KADIR - 91060807****
NO.5785 MUKIM 16, JALAN GAJAH MATI, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL KADIR BIN WAHAB - 63051907****
NO.5785 MUKIM 16, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12514
Peminjam : ANNIE KHOR KHAI CHING - 95092207****
NO.490 BLOK H, MUKIM 12, JALAN BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHOR EWE CHEN - 64031307****
357 MUKIM 12, BLOK H, JALAN BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG

No Akaun : 12529
Peminjam : FAZILAH BT CHE DIN - 64090607****
245 JALAN 1/2, TAMAN DAMAI 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 1 : KHALID ALWALID BIN ISHAK - 64030102****
245 JALAN 1/2, TAMAN DAMAI, PADANG SERAI 09400 KEDAH

No Akaun : 12530
Peminjam : FAIQAH NABILAH BINTI NOORHAIDI - 96120707****
TS394 PERMATANG TENGAH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : MAZURA BT OMAR - 72121407****
TS 394 PERMATANG TENGAH 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 12531
Peminjam : FALAHIN NAJIHAH BT NOORHAIDI - 94122907****
140, LEBUH MAHSURI, TAMAN MELATI 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MAZURA BINTI OMAR - 72121407****
TS 394 PERMATANG TENGAH 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG

No Akaun : 12533
Peminjam : FARAH WAHIDAH BINTI MOHD FEKRI - 98021902****
NO.33 LORONG 4/7, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : HAFIZAN BINTI HASHIM - 70102902****
NO.33 LORONG 4/7, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI





DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

LIMITED UNITS — 49 Unit | Hak Milik Strata | FREEHOLD — Pegangan Bebas | 3 Tingkat | 3 Pandu-lalu | Lif Kongsi

iconic
Iconic Development Sdn. Bhd. 201101024372 (952508-D)
(A member of Iconic Group of Companies)
70-1-30, D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri, Bandar Bayan Baru, 11900 Penang, Malaysia.

SILA HUBUNGI
04 643 1888 | 012 739 7888 | 012 739 7999
www.iconicpoint.com.my

*Maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran. Semua gambar lakaran dan ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja dan bukan dirancang sebagai mewakili fakta. Walaupun semua langkah sewajarnya telah diambil semasa penyediaan maklumat ini, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang ketidaktepatan dan perubahan yang mungkin diarahkan oleh pihak berkuasa. **Tertakluk kepada terma dan syarat.

# Gelanggang futsal baharu harap tingkat kualiti hidup komuniti

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BUKIT TAMBUN –** Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa pihaknya berharap projek pemajuan gelanggang futsal dengan kos RM269,913.47 yang telah siap dibina di Taman Merak dekat sini dapat meningkatkan lagi kualiti hidup serta persekitaran sihat penduduk lokal.

Beliau berkata demikian sebelum menyaksikan acara penyerahan kuasa pengurusan kemudahan awam tersebut oleh Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Marlia Mohd. Belia kepada Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Merak, Gavin Ferdinand Keun di sini pada 8 Mac 2021.

"(Sejak tahun 2012) sehingga 2020, sebanyak enam gelanggang futsal telah dibina di Daerah SPS iaitu di Kampung Sungai Keching dengan kos RM97,000 pada tahun 2012, Pekan Sungai Acheh (RM109,200; 2012), Padang Awam Jawi (RM150,000; 2014), Sungai Duri (RM137,620.33: 2016), Simpang Tiga Sungai Acheh (RM377,936.40: 2019) dan terbaru di Taman Merak (RM269,913.47: 2020).

"Ini menjadikan keseluruhan peruntukan untuk projek-projek pembinaan gelanggang futsal adalah sebanyak RM1,141,670.40.

"(Dan) dengan adanya kemudahan sukan ini, bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada golongan belia, bahkan semua gender yang lain," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal sebelum menyempurnakan acara perasmian Gelanggang Futsal Taman Merak berkaitan.

Sebelum pada itu, ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang atas pembinaan gelanggang futsal yang pertama di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

"Dengan adanya gelanggang futsal yang pertama di KADUN Bukit Tambun ini, diharapkan ia dapat memangkin ke arah gaya hidup sihat dalam kalangan golongan belia tempatan di samping mengelakkan mereka daripada terjerumus dalam aktiviti gejala sosial yang tidak sihat," ujarnya yang turut mencadangkan agar Kerajaan Negeri memperbanyak acara kejohanan sukan di peringkat KADUN.




**SOON Lip Chee (dua dari kiri), Goh Choon Aik (dua dari kanan) dan Marlia Mohd. Belia (kanan sekali) ketika menyempurnakan acara perasmian Gelanggang Futsal Taman Merak di sini baru-baru ini.**


QUEENS RESIDENCES

KONDOMINIUM

**HAK MILIK KEKAL**
5% Diskaun Untuk Bumiputera

*di Queensbay, Pulau Pinang*



**Kondominium**
**950 - 1,650 kaki persegi**
Jumlah Unit : **450**
Harga dari **RM656, 700** (Min)
sehingga **RM1,657, 190** (Max)

**Komersial**
**680 - 3,592 kaki persegi**
Jumlah Unit : **28**
Harga dari **RM340, 000** (Min)
sehingga **RM2,810, 000** (Max)

**PELAN LOKASI**




Sebarang pertanyaan, hubungi kami di **04-6456 888**

IDEAL CREATING LEGACY
超越时尚 • 缔造典范

Pemaju: Ideal Gim Venture Sdn Bhd (1023204-D); Pejabat Jualan: 71, The One, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang; No. Telefon: 604-6456 888; No. Faks: 604-6457 888; No. Lesen Pemaju: 19262-2/04-2021/02005(L); Tempoh Sah Lesen: 18-4-2020 - 17-4-2021; No. Permit Iklan: 19262-2/04-2021/02005(P); Tempoh Sah Permit: 18-4-2020 - 17-4-2021; Pihak Berkuasa Meluluskan: Jabatan Perancang Bandar & Desa (JPBD) & Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKK); No. Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang: JPBD/PG/P3/PKM-003 & PSUKPP/(S)/05/0451/10 Klt.12(1); Pegangan: Kekal; Tarikh Projek Dijangka Siap: Disember 2021; Jumlah Unit: 450

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
***Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang***
*Tel : **04-6505 242** Fax : **04-2622 904***

# *Penang Green Agenda*, depani cabaran persekitaran menjelang 2030

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**DATUK KERAMAT -** Gabungan peningkatan suhu dan banjir bakal menjadi cabaran baru bagi kawasan bandar di negeri ini, daripada status 'tidak berisiko' kepada 'terancam' menjelang tahun 2050.

Berlandaskan pendedahan Rangkaian Penyelidikan Perubahan Iklim Perkotaan (UCCRN) pada tahun 2018, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri menerusi agensi *Penang Green Council* (PGC) akan memperkenalkan laporan Kajian Impak Perubahan Iklim Pulau Pinang.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi mengumumkan perkara itu ketika berucap pada Majlis Pelancaran Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 yang dilangsungkan secara maya dari Dewan Angsana, Perpustakaan Digital Pulau Pinang 2 di sini pada 27 Februari 2021.

"Pulau Pinang misalnya, berdepan dengan dua ancaman utama iaitu tekanan haba serta banjir yang berpunca daripada hujan terlalu lebat.

"(Justeru), kita (Kerajaan Negeri) memperkenalkan laporan '*Climate Change Impact on Penang* (menerusi) PGC, yang menggariskan beberapa penilaian dan analisis tentang kesan pemanasan global terhadap Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Di samping itu, Kon Yeow menjelaskan bahawa PGC mengambil masa selama tiga tahun untuk melaksanakan proses formulasi Agenda Hijau Pulau Pinang (PGA).

"Projek (PGA) ini bertujuan untuk merangka strategi bagi membentuk masyarakat berdaya tahan di Pulau Pinang agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan cabaran persekitaran masa depan menjelang tahun 2030.

"Selain itu, (PGA) adalah komponen penting dalam




**KETUA Menteri ketika berucap pada Majlis Pelancaran Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 di sini baru-baru ini.**

pelaksanaan Visi Penang2030 iaitu 'Negara Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara'," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menyifatkan pandemik COVID-19 yang masih membelenggu negara ini begitu menguji daya tahan semua pihak serta mengakibatkan teras ekonomi kian mencabar.

"Namun, saya yakin rakyat di Pulau Pinang tidak akan 'menyerah' walaupun dilanda cabaran yang getir ini," ulasnya lanjut.

Sebelum itu, Pengurus Besar PGC, Josephine Tan Mei Ling merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana begitu memberi sokongan dalam projek PGA.

Seusai ucapan Kon Yeow, disusuli forum maya dengan menampilkan beberapa panelis seperti Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh yang juga Naib Pengerusi PGC dan Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari.

Turut serta, tiga ahli jawatankuasa kerja PGA iaitu Sofia Castelo (*Think City' Lead for the Environmental Resilience Community of Practice*); Rexy Prakash Chacko (jurutera elektronik serta penulis buku) dan Dr. Ng Shin Wei (pengurus projek PGA 2030).

Forum PGA 2030 pada penganjuran berkaitan antara lain membincangkan cadangan penggunaan tenaga diperbaharui (RE), kecekapan tenaga (EE) dalam mendepani perubahan iklim dalam tempoh tiga dekad akan datang.

Selain itu, mereka turut membincangkan mengenai formulasi unit pengurusan bencana serta persediaan-persediaan peringkat negeri dalam sektor pelancongan hijau pada masa depan.





Taman Tropika
Sg Batu, Pulau Pinang

Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera




Rumah Teres:
Keluasan Binaan: 2074 kps ~ 2130 kps
Keluasan Tanah: 1377 kps ~ 2604 kps
Semi D:
Keluasan Binaan: 2659 kps
Keluasan Tanah: 2658 kps ~ 5295 kps

Pemaju:
M TREE HILL SDN BHD (951650-V)
PENANG WORLD CITY SALES GALLERY
Persiaran Bayan Indah
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: +604-659 6888

No. Lesen Pemaju: 13814-2/12-2021/03702(L) • Tempoh Sah: 24/12/2020 Hingga 23/12/2021 • No. Permit Iklan & Jualan: 13814-2/12-2021/03702(P) Tempoh Sah: 24/12/2020 Hingga 23/12/2021 • PBT Yang Berkenaan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Pelan Diluluskan: MPPP/OSC/PB(7398)/15(LB) Jenis Pegangan: Tanah Hakmilik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: Jun 2021 • Dipajakan Kepada: Affin Bank Berhad • Bilangan Units: Rumah Teres 3 Tingkat • 13 Units • Harga Minima: RM 980,000.00 • Harga Maksima: RM 1,500,000.00 • Bilangan Units: Rumah Berkembar 3 Tingkat • 4 Units • Harga Minima: RM 2,000,000.00 • Harga Maksima: RM 3,050,400.00

## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2021

# Selamat HARI RAYA AIDILFITRI



Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ______________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **15 Mac 2021** hingga **31 Mei 2021.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**